

## 1,000 serbu Program Tekno Putra Fest 2015 di Unikl MSI

**KULIM** - Seramai 1,000 pengunjung menyertu Program Tekno Putra Fest 2015 yang diadakan di Universiti Kuala Lumpur (Unikl) Malaysian Spanish Institute (MSI), baru-baru ini.

Jurucakap program, Munawir Ridzwan berkata, program teknosahawan yang berlangsung selama dua hari itu mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar di dalam dan luar.

"Pelbagai aktiviti diadakan untuk memberi pendedahan kepada usahawan muda dan idea untuk menjadi usahawan", katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, pelbagai agensi kerajaan juga terlibat pada program tersebut untuk memberi kemudahan kepada pelajar mengenali selok-belok dan cara untuk berjaya sebagai usahawan.

"Kita ada pelbagai agensi kerajaan yang terlibat seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang berfungsi memberi idea dan bantuan kemudahan pinjaman kewangan," katanya.



Antara yang hadir pada program Tekno Putra Fest 2015.